

22 OCT 1999

Pelancongan-Mahathir

TUMPUAN DR MAHATHIR KEPADA LANGKAWI HASILKAN PULANGAN

Oleh: Nor Hammad Wariman

PERTH, 22 Okt (Bernama) -- Tumpuan istimewa yang diberikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Langkawi telah membolehkan pulau legenda itu menjadi terkenal di kalangan rakyat Australia, kata seorang pengusaha pelancongan Australia hari ini.

Ron Culley, pengurus Venture Holidays, satu daripada pengusaha pelancongan di Barat Australia, berkata tumpuan istimewa Dr Mahathir menjadi penggerak kepada usaha membangunkan Langkawi sebagai destinasi pelancongan di Malaysia, selain Pulau Pinang.

"Saya rasa semuanya mungkin daripada usaha Dr Mahathir untuk memajukan kawasan itu. Jika tidak, ia tidak mungkin terkenal seperti mana sekarang," katanya kepada Bernama selepas menghadiri jamuan tengah hari sempena pameran bergerak antarabangsa Langkawi, di sini.

Beliau berkata pameran bergerak itu, anjuran bersama Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan Penerbangan Malaysia, adalah cara terbaik untuk mempromosikan pulau itu.

Dengan program hebat seperti itu, rakyat Australia akan memilih Langkawi sebagai tempat percutian kerana ia menawarkan penginapan dan kadar tambang yang dalam kemampuan pelancong serta makanan yang enak, katanya.

Rick Shephard, pengurus Asian Explorer Holidays bagi Barat Australia, juga bersetuju dengan pendapat Culley.

Menurut promosi sedemikian wajar dilakukan kerana semakin ramai rakyat Australia yang melawat Langkawi.

"Langkawi semakin popular sekarang dan dengan penglibatan MAS, ia akan menjadi lebih menarik," katanya.

Shephard berkata lebih ramai rakyat Australia akan mengunjungi pulau itu terutamanya dengan perjalanan kapal mewah Star Cruise Holiday kerana ia mempunyai pelabuhan sendiri di Tanjung Malai.

-- BERNAMA

NH NAK